

PERHIMPUNAN - MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 1 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK LAPAT MEMENUHI SEMUA TUNTUTAN MENGADAKAN KEMUDAHAN PELAJARAN DI SELURUH NEGERI KERANA PERUNTUKAN YANG TIDAK MENCUKUPI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MEMBERI-TAHU PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA DI SINI PETANG INI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELAJARAN YANG DITUNTUT OLEH ORANG RAMAI BERKEHENDAKKAN WANG.

WALAU PUN PERUNTUKAN DITAMBAH SETIAP TAHUN, TETAPI PERMINTAAN YANG DITERIMA MELERHI DARI YANG DISEDIAKAN.

KERANA ITU, TERASNYA, APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN JALAH MENENTUKAN KEUTAMAAN SAJA - IAITU MANA YANG MUSTAHAK DAN DIDAHULUKAN.

BELIAU MENJELASKAN INI SEWAKTU PERBAHASAN MENGENAI DASAR PELAJARAN DI PERHIMPUNAN TERSEBUT YANG DIBENTANGKAN OLEH PERGERAKAN WANITA.

USUL PERGERAKAN WANITA ITU KEMUDIAN DILULUSKAN.

MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH PARA PERWAKILAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN BERKATA KERAJAAN BUKANNYA TIDAK MAHU ATAU TIDAK HENDAK MELAKSANAKAN USAHA-USAHANYA MENGADAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS PELAJARAN DI SEMUA TEMPAT.

— BERSAMBUNG 1712/ZCM

PERHIMPUNAN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, KERAJAAN MALAH SEDAR TENTANG ADANYA SEKOLAH-SEKOLAH YANG TIDAK BERTANDAS ATAU BEKALAN AIR.

BELIAU AKAN CUBA MENGATASI MASALAH INI KERANA KERAJAAN MEMANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWAB MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SEUMPAMA ITU.

USUL PERGERAKAN WANITA ITU MENDESAK KERAJAAN:

- MENKKAJI STRUKTUR PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH TERUTAMA SEKALI DARI SEGI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ASAS YANG LENGKAP DAN TENAGA GURU YANG MAHIR YANG SEIMBANG BAGI SELURUH NEGARA;

- MENKKAJI SISTEM PENDIDIKAN YANG DIAMALIAN SERTA KURIKULUM YANG DIGUNAKAN DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI UNTUK MENENTUKAN BAHAWA INSTITUSI-INSTITUSI TERSEBUT DAPAT MEMAINKAN PERANANNYA UNTUK MELAHIRKAN TENAGA-TENAGA MANUSI SESUAI DENGAN KEHENDAK NEGARA PADA MASA INI;

- MENKKAJI KADAR KEGAGALAN YANG TERDAPAT DIKALANGAN PELAJAR-PELAJAR BUMIPUTERA DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI DAN MENENTUKAN APAKAH LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL UNTUK MENGATASI MASALAH INI.

WAKIL PERGERAKAN WANITA, HAN ZALEH/ ISMAIL KETIKA MEMBENTANGKAN USUL TERSEBUT MENINGATKAN TENTANG MEMORANDUM PERGERAKAN ITU KEPADA KERAJAAN MENGENAI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN YANG DIHANTAR DUA TAHUN LALU. — BERSAMBUNG 1712/HS

EE

B502

PERHIMPUNAN—MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENIMBULKAN SYOR PERGERAKAN ITU SUPAYA SATU PASUKAN PETUGAS DIBENTUK BAGI MENGATASI MASALAH—MASALAH PERLAKSANAAN DASAR ITU, KHUSUSNYA MENGENAI KEJICIRAN DAN PELAJARAN KEMAHIRAN.

BELIAU TIDAK MEMPERTIKAIKAN TENTANG PERUNTUKAN YANG TELAH PUN DISEDIAKAN TETAPI YANG MENJADI PERSOALAN TALAH PERLAKSANAANNYA YANG LAMBAT.

BELIAU MENYEBUT ADANYA SEKOLAH—SEKOLAH VOKESYENAL YANG SEHINGGA KINI KEKURANGAN GURU, TIDAK ADA MAKMAL YANG LENGKAP SERTA BANGUNAN YANG SEMPURNA.

DI LUARBANDAR PULA MASIH ADA SEKOLAH YANG BEGITU BURUK KEADANNYA DENGAN ATAP YANG BOCOR SEHINGGA MEMBAHAYAKAN KESELAMATAN MURID—MURID.

PUAN ZALEHA JUGA MENEGUR TENTANG PEMBINAAN SEKOLAH—SEKOLAH DI BANDAR YANG ADA DIANTARANYA TIDAK SESUAI DENGAN TEMPATNYA.

KATANYA, SEKOLAH—SEKOLAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN YANG DIBINA DITEMPAT YANG BEGITU TIDAK SESUAI SEKALI— DIKELILINGI HOTEL—HOTEL DAN TIDAK BERPADANG PULA.

BELIAU JUGA MEMINATA KRAJAAN MENGAMBIL PERHATIAN BERAT MENGENAI MASALAH PENGANGGARAN SISWAZAH—SISWAZAH LALU MENGESYURKAN BIDANG PELAJARAN SASTERA DENGAN SAINS DAN TEKNOLOGI DI UNIVERSITI—UNIVERSITI DIPERSEIMBANGKAN. — BERSAMBUNG 1722/HS

PERHIMPUNAN — MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

WAKIL PADANG RENGAS, PERAK, ENCIK SAIDIN MAT PIAH YANG MENYOKONG USUL TERSEBUT MEMBANGKITKAN TENTANG SETENGAH—SETENGAH ANGGOTA PARLIMEN YANG SERING MENGEMUKAKAN +SUARA SUMBANG+ MENGENAI PERLAKSANAAN BAHASA MALAYSIA DALAM DASAR PELAJARAN.

ENCIK SAIDIN JUGA MENGADU KURANGNYA KEMUDAHAN ASAS DI SEKOLAH—SEKOLAH LUAR BANDAR.

KATANYA MASIH ADA LAGI SEKOLAH—SEKOLAH DI LUAR BANDAR MENUMPANG DI BALAI RAYA ATAU MENGADAKAN KELAS DI BAWAH POHON—POHON BESAR.

MENGENAI KEKURANGAN TENAGA PENGAJAR, BELIAU MENGANJURKAN SUPAYA SEKOLAH—SEKOLAH KECIL DI LUAR BANDAR DISATUKAN SUPAYA TIDAKLAH ADA GURU YANG TERPAKSA MENGAJAR DUA ATAU TIGA KELAS SEPERTI YANG ADA SEKARANG DI SETENGAH—SETENGAH SEKOLAH.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA DIADAKAN KURSUS—KURSUS KHAS DARI SEMASA KESEMASA BAGI GURUBESAR SEBAGAI KETUA PENTADBIR SESUAI DENGAN PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN PELAJAR. — BERSAMBUNG 1724/ZCM

PERHIMPUNAN - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

WAKIL KANGAR, PERLIS ENCİK ABU BAKAR HAJI ISMAIL MENGINGAT-  
KAN TENTANG +GEJALA-GEJALA YANG MENGGUNAKAN DASAR PELAJARAN MEDE-  
CAHKAN PERPADUAN.+

BELIAU MENEGUR SEBUAH PARTI DALAM BARISAN NASIONAL YANG SEJAK  
KEBELAKANGAN INI MEMPERSOALKAN PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN YANG  
TELAH DIPERSETUJUI BERSAMA DULU.

KATANYA, WAKIL-WAKIL MEREKA DI DEWAN RAKYAT SERING MENGEKOKAKAN  
SOALAN-SOALAN YANG BEGITU HALUS TETAPI MENGANDUNGI +SOAL-SOAL  
PERKAUMAN.+

SIKAP INI KATANYA LAGI TALAH SEMATA-MATA UNTUK KEPEN-  
TINGAN POLITIK MEREKA TETAPI AKIBATNYA MERENGGANGKAN PERPADUAN.

WAKIL SEREMBAN MENGESYORKAN SUPAYA KURIKULUM SEKOLAH-SEKOLAH  
VOKESYENAL DIKAJI SEMULA UNTUK MEMBERI TEKANAN KEPADA MATA  
PELAJARAN KEMAHIRAN SAJA.

WAKIL SELANGOR ENCİK ABDUL RASHID AHMAD MENYENTUH TENTANG +DAKWAH  
SONGSANG+ DAN MEMINTA KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS.

KATANYA ADA SETENGAH-SETENGAH DAKWAH YANG MEMPENGARUHI PARA  
MURID DAN PELAJAR MENINGGALKAN PELAJARAN MEREKA DAN MENUMPUKAN  
KEPADA AKHIRAT SAJA.

GEJALA INI MENDRUT BELIAU SANGAT MERBAHAYA DAN MEROSAKKAN JIKA  
TIDAK DIATASI SEGERA. -- BERNAMEA 1740/ZCM